

15/05/1997

KTMB batal kereta api elektrik ke Singapura

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Rabu - Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) membatalkan rancangan untuk membina projek landasan berkembar bagi laluan kereta api elektrik dari Kulai ke Singapura, berikutan permintaan negara itu supaya membina satu lagi landasan berasingan.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata permintaan Singapura itu jika dituruti akan menelan belanja berjuta ringgit.

"Cadangan membina kereta api elektrik dari Kulai ke Singapura hanya akan dijalankan pada kos yang minimal, tetapi kalau kita terpaksa membina landasan kereta api ketiga ia akan menelan belanja begitu besar.

"Kami berasa bagi landasan hanya sepanjang 20 kilometer (dari Johor Bahru ke Singapura), ia tidak berbaloi.

"Kerana itu landasan berkembar bagi kereta api elektrik dari Kulai hanya akan menghubungkan bandar kecil itu dengan bandaraya Johor Bahru," katanya kepada wartawan selepas merasmikan Eksplorail (Asia) 1997) di sini, hari ini. Turut hadir ialah Pengarah Urusan KTMB, Datuk Abdul Rahim Osman.

Kereta api elektrik yang menjanjikan sistem pengangkutan termoden di negeri Johor, akan menghubungkan Kulai dengan Johor Bahru dengan kos bernilai RM2 bilion. Ia dijangka siap pada 1999.

Mengenai kereta api laju (speed train) dari Kuala Lumpur ke Singapura, Dr Ling berkata cadangan itu belum lagi dikemukakan kepada pihak berkuasa Singapura.

"Saya rasa mereka berminat, tetapi kami masih belum berbincang kerana projek itu akan menelan belanja yang tinggi.

"Ketika ini landasan kereta api di Malaysia ialah sejauh 3,102.4 kilometer dengan 662 selekoh. Untuk melaksanakan projek ini kita memerlukan landasan lebih lebar dan sudah tentu belanjanya lebih tinggi," katanya.

Sementara itu menjawab soalan lain, Dr Ling berkata ketiadaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selama dua bulan kerana bercuti, tidak menimbulkan sebarang masalah kepada kementeriannya.

"Seperti yang selalu saya katakan sama ada beliau berada di Kubang Pasu, Kuala Lumpur, London atau Zurich, dia hanya satu panggilan sahaja jauhnya. Langsung tiada perbezaan," katanya.

Dr Ling juga mengucap takziah kepada keluarga Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani, dan menganggap kematian beliau adalah sesuatu yang mengejutkan.

"Saya terkejut kerana kami adalah kawan rapat. Saya mengucapkan takziah kepada keluarganya dan saya rasa mereka juga terkejut kerana semuanya berlaku begitu pantas," katanya.

(END)